

# Dr Mahathir masih di kagumi

Era Baru - 14/7/2008

**MESKIPUN** Tun Dr. Mahathir Mohamad telah meninggalkan Kerajaan sejak 2003, namun beliau masih di hormati dan dikagumi oleh ketua-ketua negara asing.

Bukan sahaja beliau kerap dijemput memberi ucapan diluar negara kerana mahukan pendapat beliau dalam beberapa bidang tertentu, mereka juga apabila melawat Malaysia, mereka tidak mahu ketinggalan untuk bertemu muka dengan bekas pemimpin itu.

Baru-baru ini Tun Dr. Mahathir telah dijemput untuk bertemu dengan Presiden Bosnia, Silajdzic yang melawat Malaysia beberapa hari. Sesungguhnya, Bosnia banyak terutang budi dengan Malaysia kerana ketika Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri beliau banyak membantu Bosnia ketika negara itu dilanda peperangan saudara.

Selain daripada Presiden Bosnia, Tun Dr. Mahathir juga dijemput untuk menemui seorang lagi sahabat lamanya, Presiden Iran, Dr. Mahmoud Ahmadinejad yang berada di Malaysia untuk menghadiri Persidangan D8. Presiden Iran itu sememangnya mengkagumi Tun Dr. Mahathir sejak dulu-dulu lagi dan difahamkan beliau banyak mendapat idea yang bernas dari Tun Dr. Mahathir kerana



Kelihatan Presiden Dr. Mahmoud Ahmadinejad bertanyakan sesuatu kepada Tun Dr. Mahathir ketika bertemu di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Iran berhadapan dengan musuh-musuhnya terutama sekali dari Amerika Syarikat dan Israel. Dan apabila Tun Dr. Mahathir melawat Iran beliau akan diberi keutamaan dan penghormatan yang tinggi oleh Presiden Iran itu.



Presiden Bosnia, Silajdzic kelihatan gembira dapat bertemu muka dengan Tun Dr. Mahathir di Kuala Lumpur setelah bertemu beberapa kali di Bosnia.



## Najib di no. 10, Downing Street, London

Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak sedang berbual-bual dengan Perdana Menteri Britain, Gordon Brown ketika mereka bertemu di Pejabat Perdana Menteri Britain itu di No. 10, Downing Street, London pada Jun 10, 08.

Najib berada di Ibu Kota Britain itu untuk menghadiri mesyuarat Mini Summit negara-negara Komanwel dimana Malaysia adalah salah satu anggotanya.